



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkm.gov.my

SIARAN MEDIA

LANGKAH BERANI KERAJAAN MADANI MENYIASAT DAN MENDEDAHKAN AKTIVITI PENCAMPURAN BERAS

PUTRAJAYA, 1 MAC 2025 - Kerajaan MADANI melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memberikan sepenuh komitmen dalam menyempurnakan siasatan mengenai kehilangan Beras Putih Tempatan (BPT) dan dakwaan pencampuran beras dengan mengenalpasti serta memperkenalkan teknologi baru pengesanan pencampuran beras melalui penggunaan cap jari asid deoksiribonukleik (DNA).

Berdasarkan bukti yang diperolehi daripada penggunaan teknologi ini, **KPKM mendapati Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] serta perundangan subsidiari di bawahnya, tiada peruntukan yang jelas mengenai pendakwaan kesalahan percampuran beras di mahkamah.**

Manakala hasil kajian umum Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) pada 17 Disember 2024 **mendapati pencampuran BPT dan BPI bukanlah amalan baharu, sebaliknya telah berlaku sejak tahun 1970-an** dan tiada sebarang usaha dijalankan sejak 50 tahun lalu untuk mengawal aktiviti ini.

Mengambil kira pandangan pesawah, pengguna dan industri, Kerajaan MADANI mengambil tanggungjawab untuk mengawal amalan ini. Justeru, susulan Mesyuarat JKKMN tersebut dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024, KPKM telah diarah **untuk memperhalusi kaedah dan mekanisme terbaik untuk mengawal percampuran BPT dan BPI melalui perundangan** serta merangka simulasi cadangan penetapan harga yang bersesuaian bagi kategori beras campuran secara komprehensif untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Untuk makluman, mekanisme bagi mengawal percampuran turut mendapat sokongan MyCC sebagai usaha penyelesaian jangka panjang.

Hasil siasatan mengenai kehilangan Beras Putih Tempatan turut terjawab apabila Task Force Khas Bersepadu Operasi Beras Putih Tempatan (OP BPT) yang ditubuhkan oleh KPKM mendapati **punca kekurangan bekalan BPT adalah disebabkan oleh masalah struktur harga belian padi, kos pengeluaran beras, harga siling BPT serta tiada peruntukan khusus mengenai larangan pencampuran beras di dalam Akta 522.**

Sebagai makluman, harga siling BPT **telah ditetapkan pada kadar RM2.60 sekilogram sejak tahun 2008 yang mana pada waktu itu harga belian padi sekitar RM750 per metrik tan.** Selepas 17 tahun, harga minimum belian bagi satu tan padi telah diselaraskan sebanyak dua kali iaitu RM1,200 pada tahun 2014 dan RM1,300 pada tahun 2024 dengan penyelarasan yang terkini telah berkuat kuasa pada 16 Februari 2025 adalah RM1,500, namun harga siling BPT masih tidak berubah.

Dalam situasi ini, pesawah mahu mendapatkan harga padi yang tinggi bagi meningkatkan pendapatan, pengilang dan pemborong pula ingin mengekalkan margin keuntungan manakala pengguna hendak mendapatkan beras berharga RM26 bagi 10 kilogram. **Kesannya, wujud ketidakseimbangan dalam industri kerana setiap penyelarasan harga rantai belian padi tanpa disertai dengan semakan harga siling BPT boleh menyebabkan pengeluaran beras tidak dapat menampung kos pengeluaran, yang akhirnya menjejaskan bekalan BPT di pasaran.**

Bagi mencari solusi 'menang menang' kepada pesawah, pemain industri dan pengguna, **Kerajaan MADANI melalui KPKM telah memulakan reformasi besar-besaran terhadap sektor padi dan beras negara secara berfasa** mulai Oktober 2024. Antara langkah awal yang telah diambil adalah dengan menstruktur semula tadbir urus bagi mengelakkan konflik kepentingan, mengkaji semula Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), menubuhkan Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) dan memperkasakan peranan MARDI dalam mengenalpasti varieti beras melalui teknologi DNA.

Selain itu, bagi berlaku ihsan terhadap kehidupan rakyat, Kerajaan MADANI memberikan subsidi sekitar RM150 juta untuk mengekalkan BPT pada harga RM2.60 sekilogram. Langkah ini adalah untuk membantu rakyat terutama golongan berpendapatan rendah mendapat bekalan beras pada harga berpatutan dan seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup mereka.

KPKM berharap bahawa langkah-langkah yang diambil ini akan mendapat sokongan daripada semua pihak bagi memastikan industri padi dan beras negara kekal mampan, serta bekalan beras yang stabil dan berpatutan untuk rakyat Malaysia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
1 MAC 2025